

LBS perkukuh asas pertumbuhan utama menerusi Strategi 8 x 8

Syarikat amal pendekatan pelaksanaan lebih berfokus, dipacu peluang dalam perancangan

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

LBS Bina Group Bhd (LBS), pema­ju hartanah terkemuka pilihan rakyat, menutup tirai 2025 sebagai tahun pertama pelaksanaan Strategi 8 x 8 dengan meraih pelbagai pencapaian strategik utama, yang memperkukuh asas pertumbuhan jangka panjangnya,

Dengan berpaksikan jenama terasnya, *Building Tomorrow Together*, LBS telah mengamalkan pendekatan pelaksanaan yang lebih berfokus, terpilih dan dipacu oleh peluang dalam perancangannya.

Sepanjang 2025, LBS memberi tumpuan untuk memperkukuh

asas pembangunan jangka panjangnya melalui pelaksanaan inisiatif strategik terpilih.

LBS berkata, kumpulan telah memperoleh hak pembangunan di Kwasa Damansara, sekali gus meningkatkan keterlihatan simpanan tanah, sekali gus mendorong kemajuan di salah sebuah perbandaran bersepadu yang pesat membangun di Lembah Klang.

“Kelulusan pemegang saham bagi pembangunan utama di Kwasa Damansara telah diperolehi di Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) yang diadakan pada 5 Disember lalu, menandakan satu lagi pencapaian penting dalam pelaksanaan strategi pembangunan Kumpulan yang berperingkat,” katanya.

Selain itu, LBS juga telah memeterai dua Perjanjian Usaha­ sama dengan Oriental Holdings Bhd bagi pembangunan bersama Fasa 1A dan Fasa 1B projek pembangunan bercampur bersepadu di Klebang, Melaka.



Lim Hock San

Kerjasama strategik itu mencerminkan pembabitan berterusan LBS dalam koridor pertumbuhan utama, selaras dengan model pembangunan jangka panjang di bawah Strategi 8 x 8.

Kecekapan modal

Seiring itu, LBS terus mengutamakan pengoptimuman simpanan tanah dan kecekapan modal sebagai teras utama kepada fleksibiliti kewangan.

Pada November 2025, LBS berjaya meraih dana melalui jualan tanah seluas 0.809 hektar di Johor Bahru pada harga RM110 juta, sekali gus mengukuhkan

daya tahan kunci kira-kira serta meningkatkan keupayaan kumpulan untuk bertindak balas terhadap peluang penjanaan nilai.

“LBS terus memperkukuh komitmennya terhadap pertumbuhan yang bertanggungjawab dan lestari dengan mencapai penarafan FTSE4Good 4.1, yang mencerminkan amalan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) yang kukuh,” tambah LBS.

Antara inisiatif utama termasuk penerbitan program Sukuk Wakalah, dengan hasil terbitan akan diguna selaras dengan Rangka Kerja Pembiayaan Mampan LBS, sekali gus mengukuhkan

komitmen LBS terhadap pembiayaan bertanggungjawab dan pertumbuhan inklusif.

Tahun lalu, LBS telah meraih pencapaian Piawaian Emas buat kali pertama, menandakan pengiktirafan selama empat tahun berturut-turut di bawah program Syarikat Terurus Terbaik oleh Deloitte Private.

Selain itu, sebagai pengiktirafan terhadap kepimpinan yang cemerlang, Pengerusi Eksekutif Kumpulan LBS, Tan Sri Ir Dr Lim Hock San, telah dianugerahkan Anugerah Usahawan Hartanah Cemerlang The Edge Malaysia 2025.

